

# 'Mereka nak jual'

Metro 6/6/12 MSH

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim, Hadzlihady Hassan, Raja Noraina Raja Rahim dan Zulfa Mohamad

am@hmetro.com.my

**B**UTTERWORTH: "Hati saya berdebar apabila terdengar perbualan tiga penculik itu yang mahu menjual kami berlima." Itu kata wanita berusia 28 tahun yang berjaya melarikan diri selepas diculik lima jam di ibu negara, kelmarin.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Najwa mendakwa diculik di kawasan rumah sewanya di Wangsa Maju jam 3 petang, namun berjaya melarikan diri ketika van membawanya berhenti di sebuah stesen minyak berhampiran Simpang Pulai, Perak.

Najwa yang juga kakitangan sebuah bank di Kuala Lumpur berkata, sebaik dipaksa masuk dalam sebuah van oleh tiga lelaki yang menculikinya, dia mendapati ada empat lagi wanita yang juga mangsa culik dalam van berkenaan.

"Ketika itu, saya hanya teringatkan keluarga dan berantakan sedih apabila mendengar tangisan empat lagi wanita dalam van itu," katanya ketika ditemui di rumah bapa saudaranya di sini, malam tadi.

Menceritakan kejadian itu, Najwa berkata, dia mengambil cuti sakit dan keluar rumah untuk membeli nasi di gerai berhampiran rumah sewanya.

"Ketika berjalan saya terdengar deruman enjin kenderaan tanpa menghiraukannya, namun tiba-tiba saya ditarik dengan kuat masuk ke dalam van.

"Ketika itu, saya cuba menjerit namun lelaki yang berbadan besar itu menampar muka dengan kuat hingga saya pengan," katanya.

Najwa berkata, dia menyen-



**TRAUMA...Najwa menceritakan kejadian dia diculik.**

## Pertama kali berlaku

**K**UALA LUMPUR: "Kes seumpama ini pertama kali berlaku. Beri kami masa untuk menyoal secara menyeluruh terlebih dulu sebelum memberi kenyataan," kata Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Operasi dan Risikan) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Khairi Ahrasa.

Beliau mengesahkan menerima laporan seorang daripada empat mangsa

yang diculik sekumpulan tiga lelaki tidak dikenali menggunakan sebuah van, kelmarin.

Menurut Khairi, siasatan lanjut dilakukan pihaknya termasuk memeriksa latar belakang mangsa selain motif penculikan itu.

"Sehingga siasatan lengkap, kami (polis) tidak boleh beri ulasan bagi mengelakkan kekeliruan," katanya ketika dihubungi, semalam.

dari menjadi mangsa culik empat jam selepas itu ketika pemandu van berkenaan berhenti mengisi minyak.

"Saya hanya sedar ketika van itu bergerak perlahan menghampiri stesen minyak dan melalui cermin tingkap saya nampak papan tanda

tertulis Ke Simpang Pulai.

"Ketika itu saya dengar perbualan tiga lelaki terbabit dalam bahasa Melayu bersebelang seli bahasa Thai yang menghubungi seseorang melalui telefon dan berbincang mengenai harga untuk menjual kami berlima," katanya.

bualan itu dan tidak lama kemudian van yang mem-bawa kami berhenti di sebuah stesen minyak.

"Sebaik van berhenti, lelaki yang memandu turun untuk membuat bayaran manakala dua rakannya yang duduk di sebelah pemandu dan di tempat duduk belakang untuk mengawal kami tidur dengan nyenyak.

"Kesempatan itu kami gunakan untuk melarikan diri kerana kami tidak diikat. Sebaik keluar dari van, kami berpecah dan ketika itu apa yang bermain di fikiran saya hanyalah lari sekuat mungkin.

"Saya sempat menoleh ke belakang dan melihat kelibat lelaki yang memandu van mengejar kami namun selepas hampir 500 meter berlari dan tiba di sebuah bank berhampiran satu kawasan pekan, saya lihat lelaki itu sudah tiada" katanya.

Menurutnya, dengan menggunakan telefon bimbit miliknya yang diambil bersama MyKad dan wang RM2 sebelum melarikan diri, dia menghubungi sepupunya di Butterworth untuk meminta bantuan.

Najwa berkata, sepupunya menyuruh dia mencari restoran dan berehat di situ, namun sejurus tiba di sebuah kedai makan, dia rebah kerana terlalu lemah akibat perut kosong.

"Saya dibantu seorang pemandu bas dan selepas tiga jam kemudian ahli keluarga tiba dari Butterworth dan mereka kemudian membuat laporan polis mengenai kejadian itu di Balai Polis Kampung Rapat di Ipoh," katanya.

Menjawab satu soalan, Najwa berkata, dia tidak dapat mengemam warna serta nombor van berkenaan kerana apa yang bermain di fikirannya ketika itu hanya untuk menyelamatkan diri.

"Ini pengalaman yang tidak mungkin dapat saya lupakan

Menurutnya, tiga lelaki terbabit berusia 30 hingga 40-an, dan seorang daripada mereka duduk di bahagian tempat duduk penumpang di belakang van untuk mengawal lima wanita yang diculik mereka.

Najwa berkata, dalam perbualan telefon seorang daripada tiga lelaki itu dia terdengar lelaki terbabit meminta orang yang dihubungnya menunggu di satu lokasi kerana mereka mahu menukar kenderaan.

“Saya dan mangsa lain takut selepas mendengar per-

kerana sejak tiga tahun menyewa di kawasan terbabit saya hanya mendengar kejadian culik dan tak sangka ia berlaku kepada saya sendiri.

“Namun, saya bersyukur kerana dapat melepaskan diri dan tidak tahu apa akan terjadi sekiranya tidak dapat meloloskan diri,” katanya.

Najwa berkata, dia juga tidak tahu nasib empat lagi wanita yang turut diculik bersamanya, adakah mereka benar-benar berjaya melarikan diri atau ditahan semula oleh kumpulan penculik terbabit.